

Mekanisma Agihan Zakat Pendidikan Pengajian Tinggi Dalam dan Luar Negara: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki*, Jasni Sulong

*Bahagian Pengajian Islam (Syariah), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia 11800 Pulau Pinang, Malaysia.*

*Pengarang Penghubung
ustaz_min@yahoo.com.my

Received: 3 August 2021

Accepted: 10 November 2021

Online First: 22 November 2021

ABSTRAK

Pengajian di Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) memerlukan kos yang besar dalam sesuatu tahap pengajian. Namun, masih terdapat golongan yang kurang bernasib baik dalam aspek kewangan untuk meneruskan pengajian seperti asnaf fakir dan miskin yang banyak bergantung harap kepada dana zakat. Tambahan lagi, pengurangan biasiswa dan ketiadaan program tajaan bagi mahasiswa yang ingin melanjutkan seperti MyBrains telah merencangkan lagi langkah untuk mereka menyambung pengajian ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti mekanisma agihan zakat pendidikan peringkat ijazah kepada asnaf melalui skim dan bentuk bantuan yang disediakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sama ada di UA dan US dalam dan luar negara. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temu bual. Manakala metod analisis data menggunakan kaedah induktif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk transformasi yang dilaksanakan oleh LZNK dalam penyaluran zakat pendidikan kepada mahasiswa/wi. Selain itu, LZNK juga memperkenalkan syarat



Copyright © 2021 UiTM Press.
This is an open access article
under the CC BY-NC-ND license

PENERBIT  **PRESS**
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

baharu kepada mahasiswa di Timur Tengah agar mekanisma agihan zakat pendidikan mendatangkan manfaat yang besar kepada modal insan. Seterusnya, kajian ini turut mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh diambil bagi menghadapi cabaran pengajian tinggi sejajar dengan perkembangan revolusi perindustrian 4.0

Kata kunci: *transformasi, agihan, pendidikan, tinggi, zakat.*

A Study of The Kedah State Zakat Board's Zakat Distribution Mechanism for Higher Education in Malaysia and Abroad

ABSTRACT

In a specific level of study, studying at public and private universities entails a significant financial investment. However, individuals who are financially disadvantaged to continue their education, such as the poor and needy who rely primarily on zakat contributions, are still able to do so. Furthermore, the reduction in scholarships and the absence of sponsored programmes for students who wish to pursue higher education, such as MyBrains, have made it more difficult for them to achieve their goals. The goal of this research is to determine the method for distributing education zakat at the degree level to asnaf through schemes and forms of support offered by the Kedah State Zakat Board (LZNK) both locally and internationally in the public and private universities. The data for this study was gathered through a literature review and a field study using the interview method, which is a qualitative research methodology. The data analysis method, on the other hand, employs an inductive approach. According to the findings of the study, LZNK uses a variety of transformations in the delivery of education zakat to students. Aside from that, LZNK created new conditions for Middle Eastern students so that the education zakat distribution method would benefit human capital greatly. Furthermore, this research recommends a number of techniques that might be used to address the issues of higher education in light of the Industrial Revolution's 4.0 progress.

Keywords: *transformation, distribution, education, higher, zakat.*

PENDAHULUAN

AlQuran menjelaskan, terdapat lapan asnaf yang layak untuk menerima agihan dana zakat yang merupakan tonggak kewangan serta jaminan sosial dalam Islam (Muhammad Ramzi Omar, 2004). Lapan asnaf yang layak untuk menerima agihan zakat adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 iaitu asnaf fakir, asnaf miskin, amil, *mualaf, fi sabillah, gharimin, ibni sabil* dan *riqab* sepertimana yang termaktub di dalam al Quran;

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ لِتُوْهُمْ وَفِي الرَّقَابِ
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ حَكِيمٌ (60)

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Tawbah: 60)

Pada masa kini, mekanisme agihan zakat kepada lapan asnaf wujud dalam pelbagai bentuk agihan dan bersifat fleksibel dari masa ke masa berdasarkan takrifan para fuqaha kontemporari (Mohamed Izam, 2010). Walaubagaimanapun, perluasan tafsiran asnaf yang dilakukan hendaklah bertepatan dengan syariat serta tidak lari daripada matlamat utama agihan zakat iaitu untuk memberikan manfaat kepada para asnaf dalam mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik (Yusuf al-Qaradawi, 1977).

Objektif utama pengagihan zakat adalah bagi membantu golongan yang memerlukan, mempertingkat nilai hidup pemberi serta membangunkan modal insan. Ia merangkumi pelbagai aspek agihan seperti pendidikan, pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan institusi agama dan juga pembangunan modal insan terutamanya pengajian di institusi pengajian tinggi (Ahmad Shahir, 2007; Azman & Ainatul, 2015).

Sektor pendidikan terutamanya di peringkat institusi pengajian tinggi sangat penting kerana ia memainkan peranan yang sangat besar kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara (Zakaria *et. al.*, 2012). Tanpa perkembangan ilmu pengetahuan, kehidupan masyarakat akan berada dalam keadaan kemunduran dan kejahanan. Secara tidak langsung ia juga akan menyebabkan berlaku gejala negatif yang lain seperti keruntuhan moral yang berleluasa dan memerlukan masa untuk dipulihkan.

Oleh itu, bantuan yang berterusan kepada sektor pendidikan dalam kalangan asnaf sehingga mereka memperoleh kejayaan adalah amat penting kerana impaknya sangat besar terhadap kemajuan dan kelestarian ekonomi negara (Abd Halim dan Mohd Saladin, 2011). Justeru, anak-anak asnaf yang berjaya bakal ditempatkan di sektor penting dalam negara ini dan berupaya menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Mohamad Izam 2011; Mohamad Muhamimin & Jasni Sulong, 2019).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam proses pengajian selepas alam persekolahan menengah, antara perkara yang sering kali menjadi masalah kepada pelajar khususnya mahasiswa terutamanya mereka yang daripada keluarga yang berpendapatan rendah adalah faktor kewangan sehingga mereka terpaksa memohon bantuan zakat (Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019). Hal ini berlaku kerana majoriti mahasiswa masih di bawah tanggungan, belum bekerja yang tidak mempunyai pendapatan dan ibu bapa atau penjaga terpaksa menghadapi kos perbelanjaan yang semakin meningkat dari semasa ke semasa (Aisyah & Wajeeha, 2016). Sejak penghujung tahun 2016 dan awal 2017, harga bagi makanan telah menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 3.7 peratus (Yusof, 2017), dan secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pelajar disebabkan makanan adalah antara keperluan utama mereka (Alecia & Anuar, 2017) dan (Sarah *et al.*, 2015).

Seterusnya, bermula pada 2017 telah berlakunya penurunan bajet operasi universiti awam dengan kadar purata 19.23 peratus iaitu kepada RM 6.12 billion sebelum meningkat sedikit kepada RM 6.72 billion pada bajet 2018. Pengurangan ini adalah selaras dengan perancangan Kementerian di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian

Tinggi) yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kebergantungan yang sangat tinggi iaitu dalam lingkungan antara 80 peratus hingga 90 peratus oleh institusi pengajian tinggi (IPT) kepada kerajaan (Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor, 2018)

Impak daripada perubahan tersebut menyebabkan kebanyakan UA terpaksa mencari pelbagai alternatif bagi memperoleh pendapatan tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan. Selain itu, berlakunya pengurangan biasiswa dan ketidaaan program tajaan bagi mahasiswa yang ingin melanjutkan seperti *MyBrains* dan *MyBrainsSC* seperti sebelum ini.

Oleh kerana Negeri Kedah merupakan sebuah negeri yang mempunyai 80% masyarakat Muslim (78% etnik Melayu dan 2% lain-lain etnik) yang bertaraf warganegara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017), LZNK berperanan membantu mereka yang termasuk dalam kategori asnaf. Tanggungjawab ini adalah sebagai institusi pengurusan zakat yang ditubuh untuk membangunkan masyarakat dan meningkatkan peluang pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Secara tidak langsung, LZNK dapat bertindak sebagai medium yang mampu menangani isu penyediaan dan peluang pendidikan sekaligus meningkatkan syiar Islam di Negeri Kedah Darul Aman (Norfariza Mohd Radzi et al., 2015).

Justeru, kajian ini memfokuskan terhadap usaha Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam melaksanakan prosedur agihan kepada zakat pendidikan di peringkat pengajian tinggi khusunya kepada para pelajar di IPT dalam dan luar negara.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai zakat pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi telah banyak dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini terutamanya dalam aspek pengurusan dan juga aspek pengagihan zakat kepada pelbagai asnaf. Hal ini menunjukkan betapa instrumen zakat sangat diberikan perhatian bagi membantu golongan asnaf meningkatkan taraf hidup dan seterusnya menjadi pembayar zakat pada masa hadapan (Mohd Firdaus Abdul Razak, 2021).

Daripada aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan agihan zakat, pelbagai kajian telah dijalankan oleh beberapa penyelidik bagi membantu institusi zakat meningkatkan kualiti dalam pengagihan dana zakat, antaranya seperti kajian yang dijalankan oleh Nofariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) mengenai peranan zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia.

Melalui kajian tersebut, terdapat pelbagai bentuk bantuan daripada agihan zakat pendidikan yang disalurkan kepada anak-anak miskin bandar serta cadangan penambahbaikan bantuan zakat bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar seperti kemudahan teknologi maklumat serta kursus berbentuk teknikal dan keusahawanan.

Kaedah pengurusan agihan zakat pendidikan yang berkesan dan bersistematis juga menjadi perhatian pengkaji terdahulu. Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Rizal Bin Jalil, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2017) bertajuk Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model *One Stop Center* Agihan Zakat Pendidikan memfokuskan agar setiap IPT dijadikan tempat pentadbiran agihan zakat yang mampu memberikan impak yang signifikan dan positif sebagai pusat sehenti kepada para pelajar terutamanya asnaf fakir miskin di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju dan menerima konsep ini dilaksanakan di institusi pendidikan. Selain itu juga, kajian ini turut mencadangkan satu model pentadbiran pengagihan zakat di institusi pengajian tinggi (IPT) yang berasaskan konsep lokalisasi serta konsep disentralisasi kuasa dalam aspek kutipan dan agihan zakat. Pandangan ini selari dengan kajian oleh Muhamad Rahimi Osman dan Ghafarullahhuddin Din (2014) yang melihat inisiatif penubuhan wakil zakat di insititusi pengajian tinggi berperanan secara komprehensif bagi mengembalikan martabat ummah dalam kecemerlangan ilmu agar pengurusan zakat terutamanya aspek agihan lebih mudah diuruskan.

Selain itu, terdapat juga kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu tentang cabaran pengagihan zakat pendidikan. Antaranya Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014) yang menjalankan kajian tentang peranan dan cabaran zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia. Dalam kajian berkenaan, mereka mengenalpasti skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf zakat di seluruh

negeri di Malaysia. Seterusnya, menganalisis peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf zakat di Malaysia dan cabaran yang dihadapi pada masa kini.

Kepelbagai agihan zakat pendidikan juga turut memanfaatkan golongan mualaf yang ingin mendalami secara mendalam ilmu berkaitan agama Islam. Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Haffiz Muhammad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017) menjalankan kajian mengenai dana zakat untuk pembiayaan pendidikan dalam kalangan asnaf mualaf di negara ini. Hasil kajian menunjukkan, terdapat dalam kalangan mualaf yang memperoleh manfaat besar melalui agihan zakat pendidikan sehingga dapat melanjutkan pengajian di beberapa institusi pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kolej Darul Hikmah, Universiti Teknologi MARA, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan beberapa institusi pengajian terkemuka di dalam negara.

Seterusnya, kajian oleh Azman Ab. Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar (2011) mengenai Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat menurut Perspektif Islam membincangkan mengenai hukum pengagihan zakat kepada pelajar berdasarkan pandangan ulama kontemporari dan sebelumnya. Hasil kajian ini mendapati wujud dakwaan daripada beberapa pelajar yang memohon zakat pendidikan bahawa mereka mengalami kesukaran dalam mendapatkan bantuan dari institusi zakat. Selain itu, dikenalpasti antara faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat bantuan zakat kerana tidak memenuhi syarat kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum permohonan dibuat.

Secara umumnya, kajian tentang penyaluran dana zakat dalam bidang pendidikan masih kurang terutamanya yang membincangkan secara khusus tentang transformasi yang dijalankan melalui aspek agihan dana pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Ahmad Sunawari (2011), metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisa data dalam sesebuah kajian. Metodologi kajian sangat penting bagi memastikan

hasil dapatan kajian selari dengan matlamat dan objektif kajian. Oleh itu, metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kajian kualitatif. Melalui kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah dokumentasi dalam usaha mengumpul data-data dan maklumat yang diperlukan.

Pengumpulan data-data berkaitan mekanisma agihan zakat pendidikan pengajian tinggi dalam dan luar negara di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) ini dilakukan melalui penelitian terhadap sumber-sumber seperti buku, disertasi, tesis, laman web, dan jurnal yang diperolehi dari pelbagai sumber. Manakala kaedah temu bual tidak berstruktur pula dilaksanakan bagi mengumpul data-data tentang agihan zakat Pendidikan pengajian tinggi bersama pegawai yang berkaitan di Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Temu bual dijalankan ke atas empat orang pegawai yang telah terlibat secara langsung dalam menguruskan agihan zakat bagi memperolehi maklumat yang lebih jelas dan terperinci. Seterusnya metode analisis kandungan dilaksanakan ke atas data-data yang diperolehi khususnya data temubual. Data sekunder diperolehi dari LZNK dan penulisan pengkaji terdahulu berkaitan zakat pendidikan. Analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif.

Seterusnya, analisis kandungan ke atas data temu bual digunakan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk program yang dilaksanakan oleh LZNK terhadap para asnaf di negeri Kedah dalam agihan zakat Pendidikan khususnya bagi peringkat Pengajian Tinggi. Hasilnya, kajian ini menyenaraikan pelbagai mekanisme agihan zakat pendidikan di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan dan Inovasi Latihan LZNK bermula pada tahun 2017 yang memfokuskan kepada bantuan di peringkat diploma dan ke atas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sejarah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

Menurut lembaran catatan sejarah, tarikh sebenar perlantikan pihak yang menguruskan dana zakat di Negeri Kedah Darul Aman adalah berdasarkan tarikh Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkutan dengan perkara zakat adalah pada 19 Jamadil Akhir 1355 bersamaan dengan

5 September 1936. Tarikh ini merupakan tarikh yang sama dikeluarkan oleh Pejabat Syeikhul Islam¹ melalui Majmaul Syeikhul Islam yang dianggotai oleh Haji Ismail bin Hj Mohd Saleh, Haji Yaakob bin Hj Ahmad dan Haji Abdul Ghani bin Hj Awang. *Majmaul Syeikhul Islam*² ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1936 bagi menggantikan jawatan Syeikhul Islam yang bermula daripada tahun 1901 (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018)

Terdapat hebatan berkaitan dengan hal ehwal zakat adalah antara perkara utama yang diberi tumpuan oleh *Majmaul Syeikhul Islam* (sebahagian rujukan menyebut *Majma' Masyikhatil Islam*) adalah perkara berkaitan dengan pengurusan zakat. Perhimpunan Riyal Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam di Negeri Kedah juga mencatatkan tahun 1355H bersamaan 1936M sebagai tarikh mula sebaran zakat secara rasmi dibuat kepada rakyat Negeri Kedah. Walaupun dipercayai terdapat tarikh yang lebih awal, tetapi catatan rasmi berkaitan penubuhan sebuah komiti melalui undang-undang pentadbiran adalah bertarikh 1355H bersamaan 1936M.

Seterusnya, pada tahun 1955 iaitu dua tahun sebelum kemerdekaan Tanah Melayu terdapat aduan daripada masyarakat setempat kepada Syeikhul Islam Negeri Kedah, Syeikh Wan Sulaiman Bin Wan Sidek (1874-1935) pada masa itu berhubung dengan pemberian zakat yang tidak sempurna serta tidak sampai kepada asnaf yang memerlukan. Oleh yang demikian, Syeikhul Islam telah mengemukakan masalah ini kepada Pemangku Raja pada ketika itu DYTM Tengku Mahmud Ibnu Sultan Ahmad Tajudin (1876-1973). Maka, ketika ditanya oleh Pemangku Raja langkah sepatutnya untuk menjalankan kutipan zakat ini maka dijawab oleh Syeikhul Islam “hendaklah zakat ini kembali kepada tanggungjawab asal iaitu zakat ditunaikan kepada ulil amri dalam satu-satu tempat”. Ia telah dipersetujui oleh Pemangku Raja lalu menitahkan kepada orang ramai supaya menyerahkan zakat kepada amil yang dilantik oleh ulil amri yang diiktiraf sahaja.

¹ Di Negeri Kedah Darul Aman Yang Dipertua Majlis Agama Islam di awal penubuhannya dipilih dari kalangan alim ulama seperti Syeikhul Islam atau Kadi Besar (MAIK).

² Badan yang ditubuhkan secara tidak rasmi ini disokong dengan jawatan Mufti dan Kadi yang telah diwujudkan lebih awal daripada kewujudan Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam. Pada peringkat ini, mereka inilah yang pada prinsipnya menjadi “Majlis Agama Islam” bagi Negeri Negeri di Tanah Melayu (Zaini Nasohah, 2000).

Pada permulaan perintah ini dilaksanakan, zakat dikeluarkan secara tidak rasmi mengikut kehendak petani iaitu sebahagian daripada 8 asnaf itu hendak diberikan kepada amil. Kemudian sampai satu ketika diwujudkan satu undang-undang iaitu 4/8 daripada hasil zakat hendaklah diserahkan kepada amil yang dilantik, manakala 4/8 lagi tepulang kepada pembayar untuk memberikan kepada asnaf yang berada di tempatnya. Justeru, pada tahun 1955 wujudlah undang-undang zakat (enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman) iaitu zakat padi hendaklah dibayar 100% atau 8/8 kepada amil yang dilantik, jadi berjalanlah kutipan zakat ini begitu lama iaitu hanya zakat padi.

Pada tahun 1984 hingga 1997, pihak *ulil amri*³ iaitu KDYMM Sultan Negeri Kedah Darul Aman⁴ telah melantik Dato' Syeikh Mahmood Naim sebagai Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah. Beliau kemudiannya telah meluaskan pembayaran zakat harta ini kepada semua bidang harta yang wajib zakat, iaitu mulanya zakat padi telah berpindah kepada zakat harta sehinggalah zakat pendapatan dan lain-lain termasuk dalam hasil usaha yang halal yang diusahakan oleh seseorang individu. Sejak daripada itu, prestasi kutipan zakat terus menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.

Bermula tahun 2015, usaha untuk terus mengukuhkan institusi zakat Kedah melalui penambahbaikan undang-undang zakat dilakukan secara progresif oleh Jawatankuasa Zakat Kedah bagi memastikan satu undang-undang lengkap yang bukan sahaja merangkumi zakat padi, malah zakat harta yang lain turut diwujudkan. Usaha berterusan ini akhirnya membawa hasil apabila Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) diperkenalkan menggantikan Enakmen Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK) yang telah digubal pada tahun 1955. Dalam usaha mengukuhkan agihan zakat pendidikan pula, bermula pada bulan Mei 2018, Bahagian Pendidikan dan Inovasi Agihan diwujudkan menggantikan

³ Institusi sultan/raja merupakan institusi yang tidak berada atas politik kepartian. Oleh itu, perjalanan Majlis Agama Islam juga perluri mencerminkan kedudukan Sultan yang menjadi pelindung kepada umat Islam dalam sesebuah negeri dan mereka haruslah bertindak sebagai penasihat kepada ulul amri (Mahamad Naser Disa, 2011).

⁴ Lihat prinsip dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri, kedudukan Majlis Agama Islam sebagai pihak Berkuastra Agama Islam yang bertanggungjawab secara langsung kepada Raja/Sultan/Yang di-Pertuan Agong dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam turut dijelaskan dalam semua Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.

Jabatan Agihan, Bahagian Pembangunan Asnaf bagi memantapkan lagi agihan zakat pendidikan kepada asnaf yang terlibat (Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019).

Mekanisme Agihan Zakat Pendidikan Tinggi Di LZNK

Walaupun agihan kepada sektor pendidikan merupakan agihan tertinggi dalam belanjawan negara pada tahun 2020 iaitu sebanyak 64.1 billion, tidak bermakna peruntukan tersebut mencukupi bagi menampung kos perbelanjaan pendidikan di negera ini. Hal ini kerana masih ramai dalam kalangan masyarakat yang datang ke LZNK bagi memohon bantuan zakat untuk tujuan pendidikan (Faisal Mustaffa; Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019). Pada tahun 2019, agihan belanjawan negara hanya memperuntukkan Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM 60.2 billion dengan peningkatan sebanyak 3.9 bilion pada tahun 2020 di bawah teras kedua belanjawan 2020 iaitu bagi pelaburan pendidikan dan bakat (Kementerian Kewangan Malaysia, 2019).

Pada tahun 2018, LZNK telah membuat agihan sebanyak RM 45,564,989.80 kepada 25, 511 penerima terdiri daripada orang perseorangan dan institusi pendidikan berdaftar untuk tujuan pendidikan yang merupakan kedua tertinggi selepas agihan kepada fakir miskin bagi tujuan sara hidup berjumlah RM 58, 163,955.69 (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2019). Justeru, bidang pendidikan menjadi antara teras dan keutamaan LZNK dalam membangunkan modal insan kerana melalui pendidikan dapat mengubah kehidupan seseorang kepada yang lebih baik (Abd Halim dan Mohd Saladin, 2011).

Tambahan pula, berdasarkan teras keempat agihan zakat iaitu berteraskan SDGs (*Sustainable Development Goals*) yang diperkenalkan oleh United Nation iaitu pendidikan yang berkualiti, LZNK mengorak langkah dengan lebih efektif dalam merangka, menyusun dan memantapkan sektor agihan zakat pendidikan di Negeri Kedah (Mohd Firdaus Abdul Razak, 2021). Antara usaha LZNK dalam menjayakan teras keempat ini adalah menawarkan biasiswa dan dermasiswa kepada mahasiswa yang melanjutkan pengajian di UA dan US dalam dan luar negara (Hafizah Zainal, 2020). Hal ini bertepatan dengan matlamat *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merupakan sebuah agenda global yang merangkumi tiga

dimensi utama iaitu sosial (56%), ekonomi (20%) dan alam sekitar (24%) yang ingin dicapai pada tahun 2030 oleh Malaysia selari dengan matlamat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Jabatan Statistik, 2018).

Berdasarkan tafsiran asraf di LZNK, kebanyakan asraf yang menerima agihan dana zakat pendidikan adalah mereka yang berada dalam tiga kelompok utama iaitu *fi sablillah*, *ibnu sabil* dan *mualaf* (Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019; Mohd Firdaus Abdul Razak, 2021). Hal ini bertepatan dengan kenyataan Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003) yang menyatakan pada masa kini mereka yang berjuang dengan fikiran dan dengan jiwa lebih penting, lebih besar manfaatnya dan lebih efektif dari kekuatan ketenteraan. Berperang dalam konteks berjuang mencari ilmu pengetahuan serta disebarluaskan pula hasil dapatan ilmu tersebut kepada ummah lebih diperlukan agar dengan ilmu yang dipelajari, masyarakat dapat menerima manfaat daripada ilmu tersebut misalnya pelajar perubatan yang menjadi doktor dapat menyelamatkan banyak nyawa, hasil daripada ilmu dan kepakaran yang dimiliki dalam ilmu perubatan (Yusuf Qardawi, 2011).

Di LZNK, kriteria asraf yang tergolong dalam asraf *fi sablillah* adalah setiap perbuatan yang menjurus kepada maslahat bagi menegakkan syiar terutamanya bagi mereka yang mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Terutamanya mereka yang tidak mempunyai pembiayaan lain dan terpaksa memohon dana zakat bagi melanjutkan pengajian (Muhamad Sulaiman Zahlan, 2011: 257). Agihan bagi dana zakat pendidikan LZNK diperingkat pengajian tinggi adalah seperti dalam Jadual 1;

Jadual 1: Jenis bantuan yang diberikan oleh LZNK melalui agihan zakat pendidikan pengajian tinggi 2018.

Bil	Jenis Bantuan	Jumlah
1	Dermasiswa bagi pelajar IPT tempatan	18, 960,400.00
2	Biasiswa Pelajar IPT tempatan	2, 051,760.00
3	Dermasiswa Awal ke IPT luar negara	459,000.00
4	Dermasiswa melanjutkan pelajaran ke Mesir	2,922,000.00
5	Dermasiswa melanjutkan pelajaran ke Jordan	188,000.00
6	Dermasiswa melanjutkan pelajaran ke Indonesia	591,000.00
7	Dermasiswa melanjutkan pelajaran ke Maghribi	24,000.00
8	Biasiswa Pelajar Perubatan Luar Negara (Mesir)	3,054,345.30
9	Program Pembangunan Pendidikan	200,000.00

Berdasarkan Jadual 1, jumlah agihan terbesar yang diaghikhan oleh LZNK adalah bagi dermasiswa untuk pelajar di Institusi Pengajian Tinggi tempatan sama ada awam atau swasta yang mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Setiap permohonan bagi dermasiswa bagi IPT dalam negara haruslah memenuhi beberapa kriteria dan syarat seperti institusi tersebut memiliki kelayakan daripada pihak MQA dan berdaftar dengan Unit Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini diteliti dengan cermat agar sijil akademik yang bakal diperoleh oleh pelajar tersebut mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan (Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019).

Seterusnya, untuk pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan pula, biasiswa penuh disediakan oleh pihak LZNK meliputi yuran pengajian dan bantuan sara hidup. Namun, bagi pelajar yang memiliki biasiswa daripada LZNK haruslah menunjukkan komitmen berterusan dalam kecemerlangan akademik pada setiap semester, jika tidak biasiswa tersebut akan ditarik semula. Perkara ini secara tidak langsung akan menjadi pendorong dan motivasi kepada pelajar lain untuk berjaya dalam bidang pengajian yang diceburi (Zakiyyah Jamaluddin, 2011).

Selain itu, anak-anak asnaf yang menyambung pengajian di luar negara, dermasiswa awal disediakan terutamanya bagi menampung kos penerbangan dan bantuan permulaan ketika berada di perantauan (Mohd

Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019). Bantuan ini tergolong dalam kalangan asnaf *ibnu sabil* yang lebih menjurus kepada bantuan bagi meneruskan perjalanan bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Hujah ini bertepatan dengan pernyataan Wahbah Zuhaili (1994) bahawa *ibnu sabil* adalah orang yang bermusafir untuk melakukan suatu hal ibadah (umum) dan perkara kebaikan, serta tidak melakukan maksiat. Contoh terbaik adalah menuntut ilmu di suatu tempat yang jauh. Pandangan ini juga disokong oleh Yusuf al-Qardawi (2003) yang menjelaskan syarat seseorang dikatakan *ibnu sabil* ketika ia berada dalam situasi bagi sampai ke destinasi yang dituju serta bukan bertujuan bagi melakukan maksiat.

Sebanyak empat buah negara yang menjadi pilihan LZNK bagi penyaluran dermasiswa bagi melanjutkan pengajian di Timur Tengah iaitu Mesir, Jordan, Indonesia dan Maghribi. Sama seperti IPT tempatan, IPT di negara-negara terbabit juga hendaklah mendapat pengiktirafan pihak kerajaan melalui Unit Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia serta mengikuti pengajian dalam bidang Pengajian Islam seperti Syariah, Usuludin dan Bahasa Arab. (Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, 2019). Jumlah agihan yang diberikan adalah berdasarkan bilangan pelajar yang menuntut di negara tersebut (Lihat Jadual 3: Statistik bilangan pelajar Kedah di Mesir).

Bagi mengelakkan kes-kes yang melibatkan pelajar berada di sesebuah negara terlalu lama sehingga terdapat dalam kalangan mereka yang pulang tanpa membawa sebarang ijazah, pihak LZNK memperkenalkan pendekatan baharu agar pelajar yang menuntut di Timur Tengah terutamanya Mesir memanfaatkan sebaik mungkin masa pengajian di sana. Pendekatan baharu ini diperkenalkan pada tahun 2018 melalui agihan zakat pendidikan berdasarkan peringkat kecemerlangan bermula Mumtaz (cemerlang), *Jayyid Jiddan* (sangat baik), *Jayyid* (baik), dan *maqbul* (lulus) (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2019). Walaupun pada peringkat awal mendapat tentangan hebat daripada segelintir masyarakat sehingga ada yang melakukan piket membantah secara beramai-ramai di hadapan Menara Zakat, namun akhirnya perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan dengan inisiatif baharu ini, menunjukkan pertambahan pelajar yang mendapat prestasi yang cemerlang dan lulus dalam pengajian mereka semakin bertambah (Lihat Jadual 2: Perbandingan Keputusan Peperiksaan Pelajar Kedah di Mesir). Perkara ini adalah bertepatan dengan sistem ganjaran bagi menaikkan semangat individu bagi memperoleh kejayaan (Mohd Firdaus Abdul Razak, 2021).

Menurut Farah Liyana et al. (2014) dan Adeoye dan Fields (2014), sistem ganjaran merupakan salah satu faktor penting yang mampu menyumbangkan kepada keberkesanan sesebuah organisasi dan dapat memberikan kesan yang positif terhadap sikap dan gelagat individu. Selain itu, sistem berdasarkan kepada ganjaran yang diuruskan dengan secara teratur dan baik akan meningkatkan motivasi dalam kalangan pekerja dan mereka akan lebih cenderung untuk bekerja dengan lebih keras untuk mencapai mencapai matlamat (Imran et al. 2014; Ghanzafar et al. 2011). Justeru, dalam era ekonomi digital di zaman revolusi perindustrian 4.0 kini, kebanyakan majikan telah menukar sistem ganjaran dari ganjaran berdasarkan kerja kepada sistem ganjaran berdasarkan prestasi bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi (Lawler, 2000; Azman & Nurzawani, 2009). Selain itu, LZNK juga turut mengambil langkah memberikan peruntukan bagi tajaan *ruwaq jawi* di Mesir bagi mengembangkan ilmu pengajian *turath* kepada para pelajar di sana dengan peruntukan berjumlah RM 300,000.00 pada tahun 2019 (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2020).

Jadual 2: Perbandingan Keputusan Peperikssan Pelajar Kedah di Mesir.

(Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2019).

Perkara	2017		2018	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus
<i>Mumtaz (cemerlang)</i>	9	1%	14	2%
<i>Jayyid Jiddan (sangat baik)</i>	59	3%	113	7%
<i>Jayyid (baik)</i>	130	8%	146	9%
<i>Maqbul (lulus)</i>	268	17%	299	19%
<i>Rasib (gagal)</i>	1141	71%	973	63%
JUMLAH PELAJAR LULUS	1607		1545	

Seterusnya, bagi menggalakkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang perubatan dari kalangan anak-anak asnaf, pihak LZNK mengorak langkah dengan memperkenalkan pelebaran program penawaran biasiswa selain bidang Pengajian Islam iaitu perubatan. Statistik berikut menunjukkan pola kepada agihan pembiayaan pendidikan yang dikelolakan di bawah LZNK.

Jadual 3: Statistik Pelajar Kedah di Mesir

PERKARA	2018	2019
PENGAJIAN ISLAM	1325	1229
SAINS KESIHATAN (PERUBATAN)	219	275
LAIN-LAIN	63	41
JUMLAH	1607	1545

Langkah ini selari dengan pandangan Hasanah Abd. Khafildz (2011) yang mengambil pendidikan sebagai suatu perkara yang penting dalam memartabatkan agama Islam kerana apabila semakin ramai umat Islam yang ketinggalan dalam lapangan sesuatu pengajian, maka implikasinya semakin berkurang kepakaran umat Islam dalam beberapa bidang seperti kedoktoran dan kejuruteraan. Program pelebaran program ini juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa melibatkan beberapa bidang kritikal yang lain seperti TVET, keusahawanan dan teknologi digital. Selain itu juga, peruntukan bagi program pembangunan pendidikan juga diwujudkan bagi memberikan suntikan dan kepada persatuan anak negeri Kedah di IPT yang terpilih dalam mengatur pelbagai program yang bermanfaat terutamanya terhadap pembelajaran mereka di luar kampus serta mengembangkan potensi diri para pelajar.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, didapati pelbagai usaha telah giat dijalankan oleh institusi zakat seperti LZNK dalam menyalurkan bantuan zakat kepada golongan asnaf terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Walaubagaimanapun, institusi zakat haruslah memainkan peranan dengan lebih proaktif dari semasa ke semasa agar segala bentuk skim dan produk agihan bantuan zakat pendidikan benar-benar membawa manfaat kepada penerimanya. Apabila hal ini terjadi, maka matlamat agihan zakat untuk membantu mereka yang memerlukan dan mempertingkat modal insan dalam kalangan asnaf akan dapat dicapai melalui agihan zakat diperingkat pengajian tinggi (Pathmawati Ibrahim, 2008).

Beberapa cadangan kepada LZNK bagi penambahbaikan serta usaha dalam menghadapi pelbagai cabaran masa kini. Antara cadangan bagi penambahbaikan adalah:

1. Memperkasa aspek agihan zakat di institusi zakat seperti LZNK perlu ditingkatkan dengan mengambil pendekatan turun padang untuk bertemu secara langsung dengan masyarakat. Pegawai zakat juga perlu harus lebih proaktif dalam menyediakan khidmat kepada masyarakat seperti hebahan di media sosial yang bersesuaian dengan kehendak revolusi perindustrian 4.0 yang berteraskan kepada jaringan internet. Pihak LZNK juga disarankan menghantar pegawai di kedutaan sebagai pemudah cara kepada para penuntut di luar negara seperti yang telah dilakukan oleh institusi zakat di beberapa buah negeri.
2. Memperkasa peranan dan fungsi kaunter zakat dan jaringan bersama antara LZNK dan IPT seluruh negeri Kedah. Pada masa kini, sistem bayaran balik daripada kutipan zakat dalam kalangan warga IPT di Negeri Kedah menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila pelbagai geran dan program diperkenalkan di IPT seluruh Negeri Kedah hasil jaringan yang produktif. Misalnya, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memperuntukkan geran tahunan RM1.24 juta bagi membantu Pusat Penyelidikan dan Inovasi Zakat di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada Januari 2018. Daripada jumlah itu, sebanyak RM300,000 diperuntukkan bagi pengurusan dan pentadbiran, proses pembangunan dan pemantauan (RM200,000), geran penyelidikan (RM300,000) manakala RM441,000 lagi adalah agihan zakat untuk membantu pelajar, warga (UUM) dan masyarakat setempat (Yusof Othman & Mohd Fakhrudin Abdul Mukri, 2018).

Selain itu, pihak UUM juga turut dilantik sebagai amil zakat dan sebahagian geran yang diperuntukkan ini merupakan agihan balik zakat pendapatan daripada kakitangan. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah menubuhkan Pusat Kajian Fiqh Zakat pada Julai 2018 sebagai suatu usaha untuk menjalin kerjasama dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Selain itu juga, bagi memantapkan penyelidikan zakat di IPT, terdapat empat kluster penyelidikan telah ditubuhkan di bawah Pusat Kajian Fiqh Zakat UniSHAMS iaitu fatwa dan perundangan, sumber dan

agihan, pelaburan dan pengembangan dan yang terakhir pembangunan asnaf.

3. Mewujudkan satu sistem pengkalan data bagi menyimpan semua maklumat berkaitan pemohonan, agihan dan data penerima bantuan. Dengan adanya sistem pengkalan data ini secara tidak langsung akan memantapkan lagi prosedur dan mekanisme agihan serta proses carian dan dapatan data akan menjadi lebih pantas. Pandangan ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Abdul-Wahab *et al.* (1995) yang bersetuju pengagihan zakat di Malaysia tidak diuruskan dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkelayakan dan tiada jaringan profesional meliputi pengkalan data yang lengkap dan sistematik.
4. Mengadakan jaringan bersama agensi yang berkaitan seperti pihak kedutaan di luar negara, serta pihak yang berkaitan sama ada agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Sumber Manusia bagi program strategi lautan biru serta prospek majikan dari syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta yang ternama bagi menyerapkan graduan yang telah tamat pengajian di alam pekerjaan.
5. Melebarkan skop pengajian yang ditawarkan biasiswa, tidak hanya bagi Pengajian Islam dan perubatan sahaja seperti TVET, kejuruteraan, petroleum, aeroangkasa, teknologi digital dan bidang baharu yang mempunyai penawaran yang tinggi dalam kehendak bidang pekerjaan.

Berdasarkan pelbagai cadangan ini, matlamat asal daripada program pendidikan yang dianjurkan LZNK dipercayai dapat mencapai sasarannya dalam membangun potensi asnaf dan mengeluarkan mereka daripada keadaan semasa (Hafizah Zainal, 2020; Mohd Firdaus Abdul Razak, 2021).

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Malaysia khususnya Bahagian Pengajian Islam dan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) kerana memberi peluang kepada penulis dalam menerbitkan artikel yang berindeks sebagai syarat untuk memenuhi

kelayakkan Doktor Falsafah. Seterusnya, jutaan terima kasih buat Ketua Pegawai Eksekutif dan para pegawai di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atas kerjasama yang baik dan membenarkan kajian ini dijalankan seterusnya menerbitkan hasil kajian kepada umum.

RUJUKAN

- Ab Halim & Mohd Saladin. (2011). *Pengurusan Agihan Zakat: Fiqh Zakat Malaysia*. Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Abdul-Wahab, M., Syed Abdul Hamid, Mohd Azmi, O., Ghazali, A., Jamil, O. & Muhammad Arif. (1995). *Malaysia: A Case study of Zakat Management. In Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, edited by el-Ashker & Sirajul Haq, 297-378. Jeddah: IRTI/ IDB.
- Adeoye AO, Fields Z (2014). *Compensation Management and Employee Job Satisfaction: A case of Nigeria*. Journal Social Science 41(2), 345-352.
- Ahmad Shahir, M. (2007). *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS*. Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai ke Arah kemajuan Ekonomi Ummah. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Cukai dan Zakat Kebangsaan, Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, 23 Mei. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Aisyah. A. R., & Wajeeha. Z. (2016). *Faktor penentu pengurusan kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jurnal Personalia Pelajar 19(2) 85 – 94.
- Alecia Puyu. A. S., & Anuar. A. (2017). *Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan antara IPTA dan IPTS*. International Conference On Global Education V: Global Education, Common Wealth, And Culture Diversity. Universitas EkaSakti. Padang, 10 -11 April.

Al-Qaradawi. Y. (1973). *Fiqh al-Zakat*. Muassasah Al-Risalah, Beirut: Lebanon.

Azman & Ainatul Syafiqah (2015). *Bantuan Zakat Untuk Pendidikan Kepada Asnaf: Kajian Di Negeri Sembilan*. Proceeding of the International Conferent on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2104). Shah Alam. Malaysia.

Azman & Siti Martiah (2014). *Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf Di Malaysia: Peranan Dan Cabaran Pada Masa Kini*. Proceeding Of The International Conferent On Masjid, Zakat And Waqf (IMAF 2104). Kuala Lumpur. Malaysia.

Azman Abdul Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar (2011). *Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Pengurusan Jawhar. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.

Azman I, Nurzawani Z (2009). *Relationship Between Interactional Justice And Pay For Performance As An Antecedent Of Job Satisfaction*. International Journal of Business and Management 4(3), 191-199.

Farah Liyana B, Teng SS, Fakhru Zaman A (2014). *Reward Management and Job Satisfaction among Frontline Employees in Hotel Industry in Malaysia*. Procedia-Social and Behavioral Sciences 144, 392- 402.

Ghanzafar F, Chuannim S, Khan MM, Bashir M (2011). *A Study of Relationship Between Satisfaction with Compensation and Work Motivation*. International Journal of Business and Social Science 2(1), 120- 131

Hafizah Zainal, Zakaria Bin Othman, Faisal Mustaffa (2019). *Perlaksanaan Model Sustainable Development Goals Dalam Inisiatif Pengurusan Zakat Di Kedah*. International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy 1-7.

Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor, (2018). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Kontemporari*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi

Hasanah Abd. Khafildz, 2011. *Fil Sabilillah Sebagai Medium Zakat Produktif, dlm Transfromasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif.* dalam Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif, suntingan Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat, Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam negeri Pulau Pinang, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam(ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

Imran A, Ahmad S, Nisar AQ, Ahmad U (2014). *Exploring Relationship among Rewards, Recognition and Employees' Job Satisfaction: A Descriptive Study on Libraries in Pakistan.* Middle-East Journal of Scientific Research 21(9), 1533-1540.

Lawler EE (2002). *Rewarding Excellence: Pay Strategies for the New Economy.* Jossey-Bass, California

Lembaga Zakat Negeri Kedah (2018) diakses daripada <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>

Lembaga Zakat Negeri Kedah (2020) diakses daripada <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>

Lembaga Zakat negeri Kedah (2019). *Buku Cenderamata Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan LZNK pada 23 Mei 2019 bertempat di Dewan Sultan Badlishah,Maktab Mahmud Alor Setar.*

Mahamad Naser Disa. (2011). *Kedaulatan Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri di Bawah Naungan Raja-Raja Melayu.* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mahmood Zuhdi, A. M. (2003). *Pengurusan Zakat di Malaysia,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamed Izam, M. Y. (2010). *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan.* Zakat Transformation: From Subsistence to Productive. Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember. Malaysia: Penang.

- Mohamed Izam, M. Y. (2011). *Dana Zakat: Instrumen Pembasmi Kemiskinan Asnaf*. *Dana Zakat: Wasilah Pembasmian Kemiskinan Asnaf*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat Serantau 2011, Legend Hotel, 28 Mac. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mohamad Muhamimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong (2019). *Aplikasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan Dalam Agihan Zakat Pendidikan di Zakat Pulau Pinang (ZPP)*. UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies. 6(2), 55-72.
- Muhamad Rahimi Osman dan Ghafarullahhuddin Din (2014). *Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi*, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.
- Muhammad Haffiz Muhamad Isa & Hairunnizam Wahid (2017). *Dana Zakat Untuk Pembiayaan Pendidikan: Tinjauan Kecenderungan Pemilihan Aliran Pendidikan dalam Kalangan Asnaf Mualaf di Malaysia*. Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia h. 133-154.
- Muhammad Ramzi Omar. (2004). *Zakat Menurut Empat Mazhab*. Pustaka Ilmi. Cet. Pertama. Pulau Pinang memberi pembiayaan di dalam pendidikan dalam sudut Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT (Dalam & Luar Negara), Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat dan Khusus Kecemerlangan Minda.
- Muhammad Rizal Bin Jalil, Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad (2017). *Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan*. Journal of Fatwa Management and Research Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Vol. 10 No. 1 hlm. 51-71.
- Nofariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017). *Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil 4 Isu 3 h. 1-13.

Norfariza Mohd Radzi, Asmak Ab Rahman, Husaina Banu Kenayathulla & Abdul Muhsien Sulaiman (2015). *Zakat Dan Prinsip Ekuiti Dalam Pendidikan*. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Di Seminar Kebangsaan Zakat Peringkat Kebangsaan. Universiti Malaya.

Patmawati Ibrahim. (2008). *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal*. Jurnal Syariah, Jil.16, Bil.2, hlm 223-244

Sarah Athirah. S., Aisyah. A. R., & Hairunnizam. W. (2015). *Pola perbelanjaan dan Haddul Kifayah zakat bagi pelajar sarjana muda di UKM*. Jurnal Personalia Pelajar 18 (2) 44 - 61.

Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman (2015). *Enakmen 23 Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad hlm. 22.

Yusuf al-Qaradawi (1977). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha wa Falsafatiha Fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*, j.1, cet. 3, Beirut: Muassasah al-Risalah, hlm. 686.

Yusof. S. (2017). *Kos Sara Hidup Dijangka Terus Meningkat Tahun 2017* http://www.upm.edu.my/artikel/kos_sara_hidup_dijangka_terus_meningkat_tahun_2017-30199 [6 Jun 2018]

Yusuf Othman dan Mohd Fakhrudin Abdul Mukti (2018). *Memperkasa Institusi Pendidikan Melalui Agihan Balik Zakat*. International Journal of Muamalat December 2018, Vol.2, Issue 1 hlm. 1-5.

Zakaria. S., Noranizah. Y., & Abdul Fatah. S. (2012). *Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah*. Jurnal Hadhari Special Edition. 7 – 22.

Zakiyah Jamaluddin (2011). *Kemiskinan Dan Keciciran Dalam Pendidikan*. Jurnal Kebajikan Masyarakat. Vol 37.

TEMU BUAL

Temu bual Bersama Tuan Faisal Mustaffa, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Tuan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, Ketua Jabatan Pendidikan dan Inovasi di Menara Zakat, Alor Setar pada hari Ahad 26 Mei 2019 jam 10 pagi.

Temu bual Bersama Dr Hafizah Zainal, Pengurus Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah pada hari Selasa, 18 Ogos 2020 jam 11.30 pagi.

Temu bual Bersama Tuan Mohd Firdaus bin Abdul Razak, Pegawai Bahagian Agihan, Lembaga Zakat Negeri Kedah pada hari Selasa, 4 Jun 2021 jam 9 pagi.